

18/07/2002

'PM tidak pakai pakaian paderi, salib di Vatican'

Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Orang Islam yang menuduh orang Islam lain sebagai kafir sama ada dalam bentuk kata-kata, kiasan ataupun gambar sedangkan orang yang dituduh tidak murtad, sebenarnya melakukan satu dosa besar kerana melakukan fitnah yang nyata.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr Ismail Ibrahim, berkata tindakan pihak tertentu menyiarkan gambar kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersalib ketika berada di Vatican, sebenarnya bermotifkan politik.

"Perkara ini tidak benar kerana saya sentiasa berada di samping Perdana Menteri sepanjang beliau melawat Vatican dari mula beliau menjejakkan kaki masuk ke negara itu sehinggalah beliau keluar.

"Sepanjang berada di sana, tidak pernah sekali saya melihat Dr Mahathir memakai atau mengenakan pakaian paderi mahupun salib seperti disiarkan pihak yang tidak bertanggungjawab, kononnya Perdana Menteri sebenarnya paderi dan kafir," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas tindakan pihak tidak bertanggungjawab mengedarkan gambar dan risalah yang mendakwa Dr Mahathir kafir malah mempunyai motif tidak baik terhadap umat Islam ketika mengadakan lawatan rasmi ke Vatican bagi menemui Pope John Paul II.

Lawatan Dr Mahathir ke Vatican dibuat atas jemputan Pope yang tertarik dengan kesederhanaan Perdana Menteri sebagai pemimpin sebuah negara Islam selain merapatkan lagi hubungan antara orang Islam dan bukan Islam.

Selain itu, lawatan Dr Mahathir bertujuan memberi penerangan mengenai dunia Islam serta membawa imej positif seluruh umat Islam di mata dunia terutama selepas serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia di New York 11 September lalu.

Ismail berkata pertemuan itu lebih kepada pertemuan antara satu ketua negara dengan ketua negara yang lain.

"Ini kerana Vatican adalah sebuah negara merdeka dan kebetulan ketua negaranya adalah seorang Pope yang mana Pope John Paul II juga adalah ketua kepada agama Katholik," katanya.

Mengulas tindakan segelintir penyokong Pas yang taksud sehingga sanggup menjatuhkan talak kepada isteri mereka jika mengundi Barisan Nasional, beliau berkata, perkara itu tidak sepatutnya berlaku dan jelas mencerminkan kecacatan agama individu berkenaan.

"Perceraian memang diharamkan dalam Islam sedangkan ia adalah perkara yang paling dibenci oleh Allah. Inikan pula jika talak itu berlaku hanya disebabkan oleh perkara yang membabitkan politik kepartian," katanya.

Ismail berkata, tindakan sesetengah pihak yang meraih undi dari rumah ke rumah dengan mengatakan undi kepada parti tertentu adalah sedekah kepada orang yang sudah meninggal dunia, jelas terkeluar dari landasan agama.

"Bacaan fatimah dan amalan yang dibuat seorang Islam dengan berniatkan sedekah kepada si mati boleh dianggap sedekah.

"Soal undi sebagai sedekah jelas terkeluar dari batasan agama kerana undi adalah politik keduniaan dan ia tidak boleh dikirim-kirim kepada orang yang sudah mati," katanya.

Sementara itu, Imam Masjid Negara, Firdaus Ismail ketika mengulas mengenai hukum orang Islam menuduh orang Islam lain sebagai kafir jelas menunjukkan pihak yang menuduh itu sah terjerumus dalam kegiatan memfitnah.

"Kesalahan pertama ialah fitnah dan dosa fitnah seperti yang terkandung

dalam al-Quran lebih dahsyat dari membunuh.

"Kesalahan kedua ialah ia satu pembohongan yang boleh dianggap besar dosanya dari segi hukum dan ia adalah haram.

"Manakala kesalahan ketiga ialah dosa mengkafirkan orang Islam yang nyata bukan kafir kerana berdasarkan hadis nabi yang sahih, seseorang Islam yang menuduh seorang Islam lain sebagai kafir, sedangkan orang yang dituduh bukan kafir, maka kafirlah dia (yang menuduh)," katanya.